

## **Pameran Canton ke-123 Labuh Tirai dengan Pertumbuhan Kukuh Tatkala Jumlah Eksport Meningkat 3.1 Peratus**

GUANGZHOU, China, 15 Mei 2018 /PRNewswire/ -- Pameran Import dan Eksport China kali ke-123, dikenali secara meluas sebagai Pameran Canton, melabuhkan tirai dengan memperlihatkan pertumbuhan kukuh dalam nilai perjanjian yang ditandatangani. Pada akhir acara, jumlah eksport mencecah 189.197 bilion yuan (US\$30.08 bilion), meningkat 3.1 peratus berbanding sesi musim bunga tahun lalu dan mencatatkan jumlah tertinggi untuk pameran musim bunga dalam tempoh empat tahun.

Produk jentera dan elektronik masih mendahului jumlah perdagangan dengan nilai pusing ganti sebanyak US\$15.89 bilion, menyumbang sebanyak 52.8 peratus daripada keseluruhannya. Barangan perindustrian ringan mencapai jumlah transaksi sebanyak US\$8 bilion, yang menyumbang 26.6 peratus daripada pusing ganti kasar dan meningkat 7.6 peratus berbanding musim bunga tahun lalu. Transaksi tekstil dan pakaian mencecah US\$1.42 bilion. Sektor pameran jenama turut menunjukkan prestasi yang baik, dengan US\$10.07 bilion transaksi dicatatkan, yang menyumbang sebanyak 33.5 peratus daripada pusing ganti kasar.

"Pameran Canton sentiasa berpegang pada pembangunan yang berkualiti tinggi dan kami telah menaik taraf pengalaman perdagangan menerusi teknologi yang inovatif serta menjadikannya mesra alam dan pro-alam sekitar, pempamer turut memperlihatkan kemajuan positif dalam pembangunan produk baharu, pembinaan jenama dan mempelbagaian pembangunan pasaran," kata Xu Bing, jurucakap Pameran Canton dan Timbalan Pengarah Pusat Dagangan Asing China.

Pameran antarabangsa yang paling berpengaruh di China, Pameran Canton ke-123 dihadiri oleh seramai 203,346 pembeli dari 214 negara dan wilayah, meningkat 5.3 peratus berbanding tahun sebelumnya dan merupakan yang tertinggi dalam lima tahun ini. Bilangan pembeli dari negara-negara termasuk dalam Inisiatif Jalur dan Jalan China mencecah 90,576 orang, memperlihatkan peningkatan sebanyak 3.86 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Pameran Canton ke-123 turut menerima 1,076 syarikat belian rantaian global, 109 daripadanya tersenarai antara 250 syarikat terbaik peringkat dunia, termasuk Walmart, Carrefour, Schwartz, Amazon dan Aldi.

"Pameran Canton ialah platform utama untuk menghubungkan pengeluar dan pembeli global. Dengan mengoptimalkan susun atur dan struktur pameran, kami berupaya menyediakan perkhidmatan pemasaran dan pepadanan yang tepat bagi menggalakkan usaha import dan eksport," kata Xu.

### **Latar Belakang Pameran Canton**

Pameran Import dan Eksport China ("Pameran Canton"), diadakan dua kali setahun di Guangzhou pada setiap musim bunga dan musim luruh. Diwujudkan pada tahun 1957, kini pameran berkenaan merupakan sebuah pameran komprehensif yang melakar sejarah paling panjang, bertaraf tertinggi, bersaiz paling besar dan mempunyai bilangan produk terbanyak serta melibatkan taburan asal pembeli paling luas dan turut memperoleh pusing ganti perniagaan tertinggi di China.

HUBUNGI: Cik Chloe Cai, Tel: +86-20-8913 8622, Emel: [info@cantonfair.org.cn](mailto:info@cantonfair.org.cn)